

6 FEB 1996

Mahathir-Terowong

PEMBINAAN TEROWONG ANTARA SYARAT BINA JALAN

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata syarikat-syarikat yang ditawarkan kerja pembinaan jalan di negara ini akan disyaratkan seberapa boleh membina terowong di kawasan yang sesuai bagi mengurangkan kerosakan alam sekitar.

Perdana Menteri berkata walaupun kos pembinaan terowong agak tinggi berbanding kaedah lain, ia perlu bagi melindungi alam sekitar daripada terlalu banyak kegiatan memotong bukit dan menebang pokok.

"Seberapa yang boleh apabila kita bina jalan, kita tidak hendak lagi potong dan isi bukit. Sebaliknya kita mahu supaya guna terowong dan jejambat supaya tidak rosak bukit-bukau kita," katanya kepada pemberita selepas melancarkan penggalian pertama terowong LRT Sistem 2 di sini hari ini.

Pembinaan terowong sepanjang 4.4 kilometer untuk Sistem 2 Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (PUTRA) itu merupakan yang pertama di negara ini menggunakan mesin penggerudi terowong.

Kos membina terowong yang terletak 18 meter di bawah tanah itu bernilai RM680 juta dan dijangka siap pertengahan 1997.

Dr Mahathir berkata, walaupun kerajaan menetapkan syarat itu berdasarkan "seberapa boleh", ia akan diperketatkan bagi tujuan pembinaan jalan di kawasan yang ternyata akan menyebabkan terlalu banyak bukit dipotong atau pokok ditebang.

"Kita perlu timbang kes demi kes. Kita tak boleh secara umum tentukan sesuatu yang mungkin tidak menguntungkan atau kosnya terlalu tinggi," katanya.

Beliau berkata, penggunaan bahan tempatan juga tidak mungkin dapat mengurangkan kos pembinaan terowong.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata, rakyat perlu bersedia membayar lebih sedikit untuk menggunakan kemudahan yang menelan belanja yang agak tinggi.

"Kita tak boleh pelihara alam sekitar dan mahukan jalan raya tetapi pada masa yang sama kita tak hendak bayar duit. Kalau nak sesuatu yang baik, kita mesti bayar untuk mendapatkannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat tidak sepatutnya terlalu banyak merungut apabila bayaran untuk sesuatu perkhidmatan dinaikkan sedikit.

Katanya, mereka perlu bersyukur kerana kos perkhidmatan di negara ini masih terlalu rendah berbanding di kebanyakan negara lain.

"Umpamanya di Jepun, untuk menyeberangi sebuah jambatan yang lebih kurang sama panjang dengan Jambatan Pulau Pinang, kita kena bayar RM200 tetapi di sini kita hanya perlu bayar RM7.50. Kalau hendak jambatan tetapi tak mahu bayar, itu tidak mungkin," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak pernah melepaskan tanggungjawabnya terhadap rakyat selepas menswastakan sesuatu kemudahan awam.

Sebaliknya, kerajaan terus memberikan subsidi kepada syarikat yang mengambil alih kemudahan itu bagi memastikan rakyat tidak perlu membayar terlalu tinggi untuk menggunakan perkhidmatan yang telah diswastakan, katanya.

"Saya ingin tekankan di sini, walaupun kita swastakan sesuatu projek, elemen subsidi tetap ada. Seperti PLUS (Projek Lebuhraya Utara Selatan), kalau tak ada subsidi, rakyat sudah tentu terpaksa bayar dua tiga kali ganda," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, sukar bagi kerajaan untuk mengarahkan syarikat pengendali sesuatu perkhidmatan yang diswastakan supaya mengenakan bayaran yang rendah kerana itu akan menyebabkan kerajaan terpaksa pula mengeluarkan subsidi yang besar.

Pembinaan terowong itu, yang merentasi pusat bandaraya dari Pasar Seni ke Jalan Ampang, dijalankan oleh Hazama Corporation dari Jepun dan Hyundai-PATI Consortium dari Korea Selatan.

Terowong itu akan menghubungkan lima stesen bawah tanah -- Benteng, Sultan Ismail, Kampung Baharu, KLCC dan Ampang Park -- daripada 24 stesen dalam keseluruhan Sistem 2 itu

Sistem LRT yang dimajukan oleh PUTRA itu dijangka siap sepenuhnya pada 1999 dengan membabitkan jarak sejauh 29 kilometer dari Lembah Subang ke Gombak dengan kos pembinaan RM4,350 juta juta. -- BERNAMA